

Pembinaan kolam tadahan banjir diteruskan

SERDANG JAYA – Pembinaan kolam tadahan banjir di Serdang Jaya tetap akan dilaksanakan walaupun mendapat bantahan penduduk setempat ini.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, kejadian banjir besar di kawasan itu tiga tahun lalu menyebabkan kerajaan negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM8.7 juta untuk projek tebatan banjir.

Beliau berkata, projek mengawal banjir itu dilaksanakan dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kun Man Serdang Lama melalui Universiti Putra Malaysia (UPM) hingga ke Seri Serdang.

Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) akan terlibat sama dalam projek membabitkan pengaliran air dari Sungai Kuyoh, Sungai Jinma ke Sungai Klang.

“Penduduk kawasan itu (Serdang Jaya) kena faham, projek bukan dilaksanakan di bawah Tenaga Nasional Berhad (TNB) dekat dengan rumah mereka sahaja tapi juga di UPM, yang akan ada proses pengambilalihan tanah,” katanya.

Menurutnya, hasil pemantauan mendapati terdapat struktur tambahan rumah, tanaman kontan serta tanaman kekal di jajaran kolam tadahan air bakal dilaksana.

Katanya, tindakan bersepadu perlu dilakukan bagi memberi ruang projek tebatan dijalkan.



Laporan Sinar Harian pada 7 Mac lalu.

“MPSJ bukanlah agensi yang mengendalikan sepenuhnya projek tebatan banjir itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu hanya sebagai penyelaras, kesemua proses dilakukan perunding dilantik JPS.

“Kita akan panggil perunding beri penerangan kepada semua yang terlibat mengenai projek, yang penting bukan pasal nak buat apa, ini untuk mengawal banjir keseluruhan di Serdang,” katanya.

Sebelum ini, *Sinar Harian* melaporkan, kira-kira 50 penduduk mengadakan protes membantah pembinaan kolam takungan di bawah pencawang elektrik TNB di Serdang Jaya awal bulan lalu.

Dakwa penduduk, terdapat banyak lagi kaedah dan cadangan lain boleh dilaksanakan oleh pihak berkenaan bagi menyelesaikan masalah banjir di Serdang Jaya.